



## TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (1233870-A)

**IKHLAS Point**, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No.8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur  
T: +603-2723 9696 F: +603-2723 9998 **Website:** www.takaful-ikhlas.com.my  
(Licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

### SIJIL IKHLAS HOME PROTECT TAKAFUL

#### PERJANJIAN KAMI

##### A. Kontrak Takaful untuk Pengguna (Pelan Takaful yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan jawapan yang diberikan oleh Anda di dalam borang Cadangan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh Anda semasa penyerahan Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan semasa kontrak ini dimeterai. Jawapan dan maklumat oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan maklumat yang diberikan Anda, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat Kontrak Takaful yang dipersetujui oleh Anda dan Kami.

##### B. Kontrak Takaful untuk Komersial (Pelan Takaful yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan berpandukan kepada jawapan yang diberikan oleh Anda dalam Borang Cadangan (atau ketika Anda memohon untuk Takaful ini) dan apa-apa kenyataan yang telah dibuat oleh Anda pada atau ketika penyerahan Borang Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon untuk Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan segala kenyataan yang telah dikemukakan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful ini di antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan atau dalam apa-apa pendedahan yang dibuat oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami.

#### APA YANG MEMBENTUK SIJIL TAKAFUL INI

Takaful tidak melindungi Anda terhadap semua keadaan.

Sila baca Sijil Takaful Anda dengan teliti untuk memastikan Anda memahami perlindungan, terma dan syarat yang diguna pakai dan pastikan Anda berpuas hati dengan Takaful ini.

Bahagian atas tidak menjadi sebahagian daripada Sijil Takaful.

Sijil Takaful, Jadual dan Endorsmen mestilah dibaca bersama kerana mereka membentuk kontrak Takaful Anda.

Sijil Takaful ini menetapkan perlindungan Anda seperti yang disertakan di dalam Jadual dan dalam keadaan di mana Anda dilindungi atau tidak.

Perlindungan yang diberikan di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada Anda mamatuhi dan memenuhi terma, peruntukan, Endorsmen dan fasal-fasal Sijil Takaful ini.

#### KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

##### Kewajipan Pendedahan

##### Diguna pakai untuk Kontrak Takaful Pengguna

Apabila Anda telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) iaitu Anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

**Diguna pakai untuk kontrak Takaful Komersial**

Apabila Anda telah memohon untuk Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang boleh mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan, dan apa-apa perkara seorang yang munasabah patut tahu sebagai relevan yang boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk segera memberitahu Kami sekiranya setelah kontrak Takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/permohonan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

**Notis Takaful Lain**

Anda mesti memaklumkan kepada Kami tentang apa-apa Takaful lain yang Anda ada semasa menyertai Takaful ini, dan juga dalam Tempoh Takaful ini, yang meliputi mana-mana harta yang sama yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini. Notis sedemikian hendaklah diberikan dan disahkan oleh Kami dalam Sijil Takaful ini sebelum berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan.

**FASAL PERLINDUNGAN (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)**

Pihak Syarikat akan melindungi Bangunan dan/atau Isi-rumah seperti di dalam Jadual bagi Tempoh Takaful.

Perlindungan yang diberi berdasarkan:

- (a) Peserta Takaful bersetuju untuk membayar pihak Syarikat Sumbangan Takaful untuk perlindungan, dan
- (b) maklumat lisan / bertulis yang disediakan oleh Peserta Takaful semasa menyertai Takaful ini

Berkaitan dengan Kejadian yang Dilindungi semasa dalam Tempoh Takaful dan tertakluk kepada had, pengecualian dan syarat yang terkandung atau diendoskan di dalam Sijil Takaful, Syarikat akan, melalui pembayaran atau pengembalian semula atau pembaikan, menanggung kerugian Peserta Takaful terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi seperti yang tertera di dalam Jadual.

Sijil Takaful ini melindungi harta yang dilindungi sehingga ke Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan Peserta Takaful dan / atau Isi-rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh Kejadian yang Dilindungi.

Jadual akan menunjukkan bahawa Peserta Takaful telah melindungi Bangunan, Isi-rumah atau keduanya.

**ISI-RUMAH**

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Isi-rumah yang dilindungi adalah terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Tidak ada satu barang pun (tidak termasuk perabot, piano, organ, perkakas rumah tangga, radio, peralatan hi-fi, set wayarles, perakam video, dan televisyen) hendaklah dianggap memiliki nilai lebih besar daripada lima (5) peratus daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Isi-rumah kecuali barangan sedemikian secara khusus diisytiharkan sebagai butiran yang berasingan;</li> <li>(b) Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Isi-rumah.</li> </ul>	<p>Isi-rumah yang dilindungi tidak termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Mana-mana bahagian daripada struktur atau siling, kertas dinding atau yang seumpamanya;</li> <li>(b) Harta yang dilindungi di bawah Sijil Takaful yang lebih khusus;</li> <li>(c) Surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, matawang kertas, nota bank, manuskrip, pingat dan duit syiling, kenderaan bermotor dan aksesori atau ternakan, kecuali secara khusus dinyatakan di dalam Jadual.</li> </ul>

**KEJADIAN YANG DILINDUNGI (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)**

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Pihak Syarikat akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan/atau Isi-rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah</li> <li>2) Letupan</li> <li>3) Pesawat atau peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya</li> <li>4) Hentaman terhadap mana-mana bangunan:           <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Untuk Rumah Kediaman Persendirian, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang termasuk kenderaan atau haiwan kepunyaan atau dibawah kawalan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta Takaful; atau</li> <li>• Ahli Keluarga Peserta Takaful.</li> </ul> </li> <li>(b) Untuk blok rumah pangsa atau pangsapuri, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang termasuk kenderaan atau haiwan kepunyaan atau dibawah kawalan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta Takaful; atau</li> <li>• Ejen atau pembantu rumah Peserta Takaful atau</li> <li>• Mana-mana orang yang mendiami rumah pangsa, pangsapuri persendirian</li> </ul> </li> </ol> </li> </ol>	<p>Pihak Syarikat tidak akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan/atau Isi-rumah yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:</p>
<ol style="list-style-type: none"> <li>5) Pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Jumlah Ekses yang dinyatakan di dalam Jadual.</li> <li>(b) Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika Rumah Kediaman Persendirian tidak dihuni.</li> </ol>
<ol style="list-style-type: none"> <li>6) Kecurian, tetapi hanya jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah Bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian tidak dihuni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu Tempoh Takaful, perlindungan ini akan diberhentikan sementara melainkan dipersetujui oleh pihak Syarikat melalui Endorsmen.</li> <li>(b) Kerugian atau kerosakan akibat dari kecurian oleh pembantu rumah domestik Peserta Takaful atau mana-mana ahli keluarga Peserta Takaful.</li> </ol>
<ol style="list-style-type: none"> <li>7) Hurikan, siklon, taufan, ribut angin</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Jumlah Ekses yang dinyatakan di dalam Jadual.</li> <li>(b) Kerugian atau kerosakan kepada:           <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) mana-mana Bangunan semasa dalam pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan melainkan semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain adalah lengkap dan dilindungi;</li> </ol> </li> </ol>
<ol style="list-style-type: none"> <li>8) Gempa bumi, letupan gunung berapi</li> </ol>	Jumlah Ekses yang dinyatakan di dalam Jadual
<ol style="list-style-type: none"> <li>9) Banjir</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Jumlah Ekses yang dinyatakan di dalam Jadual.</li> <li>(b) Kerugian atau kerosakan kepada Bangunan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi.</li> </ol>
<ol style="list-style-type: none"> <li>10) Belukar / Lalang</li> </ol>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>11) Kerosakan akibat pokok tumbang atau ranting dan objek daripadanya</li> </ol>	Sebanyak RM250.00 yang pertama setiap satu dan setiap tuntutan di bawah endorsmen ini
<ol style="list-style-type: none"> <li>12) Rompak dan Tahanan bersenjata dalam Premis harta Anda</li> </ol>	

**MANFAAT TAMBAHAN**

Ini merujuk kepada Manfaat Tambahan yang disediakan untuk Peserta Takaful tanpa sebarang Sumbangan Takaful tambahan, tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful.

Diguna pakai sekiranya Sijil Takaful ini melindungi Bangunan sahaja

**A) Tunai Pendahuluan**

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Pembayaran pendahuluan akan diberikan kepada Peserta Takaful, jika perlu, dengan syarat, pengesahan sudah dibuat bahawa kerugian boleh ditanggung di bawah Sijil Takaful ini.</p> <p>Jumlah yang akan dibayar di bawah manfaat ini akan ditolak daripada jumlah keseluruhan kerugian boleh-bayar tertakluk kepada sepuluh (10) peratus kerugian atau maksimum RM10,000 sebagai pampasan.</p>	

**B) Bantuan Pembiayaan Kediaman**

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Pihak Syarikat akan membayar tambahan 15% atas jumlah kerugian yang disahkan oleh adjuster yang dilantik, atau sehingga enam (6) bulan ansuran pembiayaan kediaman Anda, yang mana lebih rendah kepada Peserta Takaful sekiranya kediaman mengalami sekurang-kurangnya 50% kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh Kebakaran, Kilat, Banjir, Penenggelaman dan Tanah Runtuh (jika peril tersebut diperluaskan di dalam Sijil Takaful)</p> <p>Tertakluk kepada syarat dan terma Sijil Takaful.</p> <p><b>Contoh 1:</b>  <i>Amaun Perlindungan: RM150,000.00</i>  <i>Jumlah kerugian boleh-bayar akibat Kebakaran: RM100,000.00 @ 67% dari kerugian</i>  <i>15% daripada jumlah kerugian adalah RM15,000.00</i>  <i>Ansuran bulanan Kediaman RM2,000.00</i>  <i>Ansuran bulanan Kediaman untuk 6 bulan adalah RM12,000.00</i>  <i>Jumlah dibayar untuk manfaat ini adalah RM12,000.00</i></p> <p><b>Contoh 2:</b>  <i>Amaun Perlindungan: RM150,000.00</i>  <i>Jumlah kerugian boleh-bayar akibat Kebakaran: RM100,000.00 @ 67% dari kerugian</i>  <i>15% daripada jumlah kerugian adalah RM15,000.00</i>  <i>Ansuran bulanan Kediaman: RM3,000.00</i>  <i>Ansuran bulanan Kediaman untuk 6 bulan adalah RM18,000.00</i>  <i>Jumlah dibayar untuk manfaat ini adalah RM15,000.00</i></p> <p><b>Contoh 3:</b>  <i>Amaun Perlindungan: RM150,000.00</i>  <i>Jumlah kerugian boleh-bayar akibat Kebakaran: RM100,000.00 @ 67% dari kerugian</i>  <i>15% daripada jumlah kerugian adalah RM15,000.00</i>  <i>Ansuran bulanan Kediaman: RM2,000.00</i>  <i>Ansuran bulanan Kediaman untuk 6 bulan adalah RM12,000.00.</i>  <i>Baki ansuran bulanan adalah 2 bulan @ RM4,000.00</i>  <i>Jumlah dibayar untuk manfaat ini adalah RM4,000.00</i></p> <p><b>Contoh 4:</b>  <i>Amaun Perlindungan: RM500,000.00</i>  <i>Jumlah kerugian boleh-bayar akibat Kebakaran: RM100,000.00 @ 20% dari kerugian</i>  <i>Jumlah dibayar untuk manfaat ini adalah RM0.00</i></p>	

C) Kepingan Kaca

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Takaful ini dilanjutkan untuk melindungi kemalangan melibatkan kaca yang pecah yang dipasang pada struktur bangunan tertakluk kepada terma, pengecualian, had dan syarat yang terkandung di sini.</p> <p>Jika di dalam Tempoh Takaful, mana-mana kepingan kaca yang dipasang pada struktur bangunan ditimpa kemalangan yang mengakibatkannya pecah, pihak Syarikat akan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) menggantikan kaca yang pecah dengan kaca pembuatan atau kualiti yang serupa atau atas pilihan pihak Syarikat, membayar kepada Peserta Takaful, jumlah yang bersamaan dengan kos penggantian itu tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM1,000.00 setiap kepingan kaca.</li> <li>2) membayar kos perlu ditanggung disebabkan oleh kerosakan yang mana pihak Syarikat akan bertanggungjawab.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>(a) kerosakan pada bingkai atau kerangka.</li> <li>(b) kos pelupusan atau penggantian apa-apa kelengkapan atau lekapan.</li> <li>(c) Kepingan kaca yang pecah di konservatori, rumah hijau atau bahagian luar bangunan.</li> <li>(d) Kepingan kaca yang pecah atau rosak sebelum bermulanya Takaful ini</li> <li>(e) Sebarang kerugian yang berbangkit</li> </ol> <p>Tertakluk kepada terma Sijil Takaful</p>

Diguna pakai sekiranya Sijil Takaful ini melindungi Isi Rumah sahaja

A) Harta yang Dipindahkan Sementara

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Sijil Takaful ini melindungi Kejadian yang Dilindungi apabila Isi-rumah dipindahkan sementara daripada Rumah Kediaman Persendirian Peserta Takaful tetapi masih dalam Kawasan Geografi, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Takaful/ Insurans lain.</p> <p>Had tanggungan di bawah manfaat ini adalah lima belas (15) peratus daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Isi-rumah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Isi-rumah yang dipindahkan untuk jualan atau pameran;</li> <li>(b) Isi-rumah yang diletakkan di tempat simpanan perabot;</li> <li>(c) Kerugian akibat Kejadian yang Dilindungi 7 (hurikan, siklon, taufan, rebut angin), Kejadian yang Dilindungi 8 (gempa bumi, letupan gunung berapi) dan Kejadian yang Dilindungi 9 (banjir) ketika Isi Rumah dalam transit.</li> </ol>

B) Kerosakan kepada Cermin Kaca

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Sijil Takaful ini melindungi kerosakan kepada cermin akibat pecah ketika di dalam Kediaman Rumah Persendirian.</p> <p>Had tanggungan pihak Syarikat adalah RM500.00 sekeping setiap kemalangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Cermin mudah alih (<i>Hand mirror</i>)</li> </ol>

C) Pampasan Untuk Kematian

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Peserta Takaful dilindungi terhadap kecederaan maut (kematian) yang terjadi dalam Rumah Kediaman Persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas kecederaan sedemikian.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) nama yang dilindungi di dalam Sijil Takaful, pihak Syarikat akan bertanggungjawab hanya pada satu kadar bahagian setimpal pampasan. Untuk sebuah badan Korporat, Peserta Takaful mestilah menamakan seorang atau lebih dan nama-nama ini hendaklah dikemukakan kepada pihak Syarikat.</p> <p>Had tanggungan yang dibenarkan untuk manfaat ini adalah jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual atau satu setengah daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Isi-rumah, yang mana lebih rendah.</p>	

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**
**D) Harta Pembantu Rumah**

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Sijil Takaful ini melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Kejadian yang Dilindungi terhadap pakaian dan Barangan Peribadi kepunyaan orang gaji domestik Peserta Takaful, yang tinggal bersama Peserta Takaful atau mana-mana ahli Keluarga Peserta Takaful dalam Kawasan Geografi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Takaful/ Insurans lain.</p>	<p>(a) Wang tunai, matawang kertas, nota bank dan setem.</p>

**E) Perlindungan Pengangan secara Automatik**

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Sijil Takaful secara automatik akan melindungi semua harta tambahan yang diperolehi oleh Peserta Takaful semasa Sijil Takaful ini berkuat kuasa sehingga RM20,000.00, dengan syarat Peserta Takaful memaklumkan pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari mana-mana perolehan apa-apa harta sedemikian dan hendaklah membayar Sumbangan Takaful tambahan dari tarikh pemerolehan.</p>	

**F) Harta di Laman**

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Sijil Takaful meliputi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Kejadian yang Dilindungi kepada peralatan kebun Peserta Takaful dan kasut yang disimpan di dalam kawasan berpagar di premis yang dilindungi.</p> <p>Tertakluk kepada had maksimum RM250.00 setiap satu kerugian secara agregat.</p>	

**G) Kehilangan Wang**

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Sijil Takaful melindungi kehilangan wang secara fizikal (termasuk pengeluaran wang dari ATM yang berlaku di bawah ancaman kecederaan badan atau bahaya fizikal) dan liabiliti ke atas hutang yang timbul dari penggunaan kad kredit Peserta Takaful secara salah oleh orang yang tidak dibenarkan akibat dari kecurian yang disertai oleh kemasukan secara paksa dan ganas atau rompakan bersenjata yang berlaku pada premis yang dilindungi.</p> <p>Tertakluk kepada had maksimum RM1,000.00 setiap satu kerugian secara agregat.</p>	<p>(a) Wang bukan kepunyaan Peserta Takaful</p> <p>(b) Kecurian atau rompakan bersenjata yang dilakukan oleh ahli keluarga Peserta Takaful</p>

Diguna pakai sekiranya Sijil Takaful ini melindungi Bangunan dan/atau Isi-rumah

**H) Takaful Sewa**

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Selaku tuannya, Peserta Takaful diberi perlindungan untuk kerugian sewa sekiranya Rumah Kediaman Persendirian Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual tidak boleh dihuni akibat daripada Kejadian yang Dilindungi bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.</p> <p>Selaku penghuni, pihak Syarikat akan membayar perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung olehnya semasa di sesebuah hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan akibat daripada sesuatu Kejadian yang Dilindungi, bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.</p> <p>Had liabiliti keseluruhan tidak melebihi sepuluh (10) peratus daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Bangunan dan/atau Isi-rumah.</p> <p>Manfaat ini adalah tambahan kepada keseluruhan Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.</p>	

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

## I) Liabiliti kepada Awam

Jenis Perlindungan yang Dilindungi	Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi
<p>Pihak Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful terhadap liabiliti undang-undang di mana Peserta Takaful mungkin dipertanggungjawabkan berhubung dengan kemalangan atau siri kemalangan yang terjadi dari satu Kejadian, dalam Tempoh Takaful pada harta atau kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan ahli Keluarga, Penghuni rumah atau yang berkhidmat dengan Peserta Takaful:</p> <p>(a) Liabiliti selaku tuanpunya Bangunan yang disebabkan oleh kecacatan di dalam Bangunan.</p> <p>(b) Liabiliti selaku penghuni yang disebabkan oleh kemalangan di dalam atau sekitar Rumah Kediaman Persendirian.</p> <p>Had liabiliti pihak Syarikat tidak dalam apa jua hal melebihi jumlah yang ditetapkan di dalam Jadual.</p> <p>Pihak Syarikat akan membayar gantirugi kepada Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful:</p> <p>i) Sebarang kos perundangan dan perbelanjaan yang boleh diperolehi semula daripada Peserta Takaful atau pasangan oleh mana-mana pihak yang menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh pihak Syarikat sepatutnya telah membayar atau menawarkan untuk membayar samada jumlah penuh tuntutan tersebut atau jumlah yang boleh diperolehi semula yang berkaitan dengan mana-mana satu Kejadian.</p> <p>ii) Kos perundangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta Takaful atau pasangan dengan persetujuan pihak Syarikat.</p> <p>Jika Bangunan-bangunan adalah untuk blok rumah pangsa atau pangsapuri, gantirugi pihak Syarikat kepada Peserta Takaful adalah terhad kepada liabiliti sah bagi tuntutan yang di buat terhadap Peserta Takaful selaku pemilik Bangunan, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, tetapi bukan sebagai penghuni yang mendiami mana-mana bahagian Bangunan berhubung dengan apa-apa kemalangan yang berlaku semasa Tempoh Takaful.</p> <p>Pihak Syarikat akan membayar gantirugi kepada wakil sah peribadi Peserta Takaful sekiranya berlaku kematian kepada Peserta Takaful berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful dengan syarat wakil sah peribadi Peserta Takaful mematuhi dan memenuhi dan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat serta had-had di dalam Sijil Takaful.</p>	<p>(a) Sebarang tuntutan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful, di mana-mana mahkamah negara-negara di luar Malaysia.</p> <p>(b) Semua kos perundangan dan perbelanjaan yang mana tidak ditanggung atau boleh diperolehi semula di Malaysia.</p> <p>(c) Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau sampingan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemunyaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful berkait akan sebarang lif, kenderaan atau kapal walau apapun jenisnya;</li> <li>• Menjalankan kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada bangunan Peserta Takaful;</li> <li>• Kerosakan kepada harta oleh kebakaran penenggelaman atau letupan (selain dari letupan yang diakibatkan oleh dandang domestik yang dilekapkan kepada rumah pangsa dan pangsapuri individu dalam Bangunan yang dilindungi) untuk Takaful untuk Rumah Pangsa atau Pangsapuri Persendirian;</li> <li>• Apa-apa perjanjian kontrak;</li> <li>• Asbestos atau pendedahan atau potensi terdedah kepada asbestos, apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang dianggap berkaitan dengan asbestos melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pemuangan atau penghindaran dari asbestos;</li> <li>• Mana-mana bahagian Bangunan yang dilindungi yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan atau perniagaan Peserta Takaful.</li> </ul>

**PENGECUALIAN AM (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)**

Sijil Takaful ini tidak akan melindungi di bawah keadaan-keadaan berikut:

1. Pihak Syarikat tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
  - (a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
  - (b) Dahagi, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekaln pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
  - (c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletak orang awam atau sebahagian orang awam berada di dalam ketakutan.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

Sebarang kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat mana-mana satu Kejadian tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana Kejadian tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, melainkan Peserta Takaful boleh membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Di dalam apa-apa tindakan, tindakan guaman atau prosiding lain, di mana, apabila pihak Syarikat mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, beban untuk membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi adalah bergantung kepada Peserta Takaful.

2. Pihak Syarikat tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan:
  - (a) yang disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah kerajaan *de jure* atau *de facto* atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan Negara di dalam kawasan terletaknya harta tersebut;
  - (b) kepada harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
  - (c) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
  - (d) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
3. Pihak Syarikat tidak akan melindungi apa-apa jenis Kerugian Turutan atau kerosakan kecuali Takaful Sewa.
4. Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku terhadap harta yang dilindungi disebabkan oleh pelanggaran Undang-undang dan prinsip-prinsip Sivil atau Syariah oleh Peserta Takaful atau dengan cara lain daripada sebarang akibat yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah

**BAGAIMANA KAMI MENGURUSKAN TUNTUTAN ANDA (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)**

**Kepentingan Boleh Lindung Takaful**

Hanya Anda yang memiliki hak untuk membuat tuntutan daripada Kami, kecuali jika berlaku kematian kepada Anda, atau melalui penguatkuasaan undang-undang, penukaran kepentingan Takaful ini kepada orang lain hanya boleh berkuat kuasa selepas Kami mengendors Sijil Takaful ini.

**Tiada Hak Untuk Membuat Tuntutan Bagi Pihak Lain**

Sementara Sijil Takaful ini melindungi harta keluarga Anda dan Pembantu rumah, hanya Anda boleh membuat tuntutan bagi pihak mereka.

**Terhad Kepada Tiga (3) Tetamu Berbayar Sahaja**

Sijil Takaful ini adalah sah jika bilangan tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan tidak melebihi tiga (3) orang.

Bagi tujuan Manfaat Tambahan – I) Liabiliti kepada Awam, tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan sedemikian adalah dianggap sebagai ahli Keluarga Anda.

**Nilai Pasaran**

Kami akan mengganti rugi Anda nilai yang dilindungi atau Nilai Pasaran bagi harta yang dilindungi yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang Ekses.

Nilai Pasaran bermaksud nilai harta yang dilindungi pada masa kerugian atau kerosakan ditolak elauun untuk sebarang keadaan Haus dan Lusuh dan/atau Susut Nilai.

Nilai Pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh Kami daripada:

- (a) pembuat, atau
- (b) ejen tunggal yang sah atau ejen, atau
- (c) broker yang sah, pengedar yang sah, atau
- (d) kontraktor bangunan, atau
- (e) penyelaras kerugian berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, atau
- (f) Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 yang dilantik secara bersama di antara Anda dan Kami

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap Kami.

**Liabiliti Maksimum Kami**

Jumlah keseluruhan liabiliti Kami kepada Anda berkenaan dengan kerugian atau kerosakan di dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan terhadap setiap butiran atau secara agregat keseluruhan Amaun Perlindungan yang dinyatakan secara khusus di dalam Jadual atau jumlah lain yang disahkan di dalam Sijil Takaful.



**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**Purata**

Jika Nilai Pasaran harta yang dilindungi pada masa sebarang kerugian berlaku, secara kolektif memiliki nilai yang lebih besar daripada Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, maka Anda hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang dilindungi.

**Ekses**

Bagi kerugian atau kerosakan (kecuali akibat kebakaran) kepada Bangunan Rumah Kediaman Persendirian oleh mana-mana Kejadian yang Dilindungi yang tertakluk kepada Ekses, Ekses diguna pakai secara berasingan kepada:

- (a) setiap Bangunan. Semua Bangunan di dalam Premis yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual adalah dianggap sebagai satu Bangunan.
- (b) setiap insiden. Jika Kejadian yang Dilindungi yang sama berlaku dalam masa tujuh (7) hari berturut-turut, ia adalah dianggap insiden yang sama.

**Takaful/Insurans lain**

Jika terdapat sebarang Takaful/ Insurans lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, Kami hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

**Subrogasi**

Kami berhak untuk melaksanakan di atas nama Anda dan bagi pihak Anda:

- pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
  - mendapatkan kembali pampasan atau gantirugi dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.
- di atas perbelanjaan dan manfaat Kami sendiri.

**Penipuan**

Kami tidak akan membayar tuntutan Anda jika didapati ia adalah cubaan menipu oleh Anda atau orang yang bertidak bagi pihak Anda

**Hak Akses dan Kawalan**

Apabila berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan Kami berhak untuk:

- memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian dan kerosakan tersebut telah berlaku;
- membuat pemilikan harta yang dilindungi;
- menguruskan sisaan harta yang dilindungi yang telah rosak.

Walau bagaimanapun Anda tidak boleh meninggalkan harta yang dilindungi yang telah rosak itu kepada Kami.

**Penimbangtaraan**

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai jumlah kerugian dan kerosakan di antara Anda dan Kami, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh Anda dan Kami. Jika Anda dan Kami tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua (2) bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak Anda dan Kami layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang Wasit untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan anugerah hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat anugerah.

Anda dan Kami dengan jelas bersetuju bahawa anugerah oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum Anda boleh memulakan prosiding guaman terhadap Kami.

**Perbelanjaan**

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

**Pelepasan Penerimaan**

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

**Penglibatan Pihak Ketiga**

Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

**Cukai**

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

**BAGAIMANA HENDAK MEMBUAT TUNTUAN (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)**

**Notis Dan Bukti Tuntutan**

Anda hendaklah dengan segera memberitahu Kami secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:

- dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kejadian dan di atas perbelanjaan Anda sendiri, menyerahkan kepada Kami tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah sebagaimana yang Kami perlukan.
- bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, Anda mestilah membuat laporan polis dengan segera.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**Pelan-pelan Bangunan**

Sekiranya Kami memilih untuk memulihkan semula mana-mana Bangunan, Anda hendaklah menyediakan kepada Kami pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi dan kuantiti-kuantiti sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Kami

**Tuntutan Liabiliti**

Anda hendaklah apabila menerima sebarang notis mengenai apa-apa kemalangan atau tuntutan dari pihak-pihak lain, memberikan notis secara bertulis dengan segera kepada Kami dan menyediakan butir-butir penuh secara bertulis kepada Kami secepat yang mungkin.

Anda hendaklah menghantar kepada Kami dengan segera apa-apa writ, saman atau lain-lain proses perundangan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap Anda serta menyediakan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan bagi membolehkan Kami untuk menyelesaikan atau menghalang apa-apa tuntutan atau untuk memulakan prosiding.

Anda tidak boleh tanpa keizinan bertulis daripada Kami:

- mengakui atau menyangkal apa-apa tuntutan atau liabiliti;
- menawar atau berunding untuk membayar tuntutan.

**TANGGUNGJAWAB ANDA (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)**

**Kewajipan Berjaga-jaga**

Anda hendaklah menggunakan segala usaha dan kecermatan yang munasabah bagi menyelenggara Premis tersebut dalam keadaan sesuai untuk dibaik pulih. Sebagai tuanpunya Rumah Kediaman Persendirian, Anda hendaklah membaiki secepat mungkin apa-apa kecacatan yang ditemui dan pada masa yang sama, mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan, kerugian dan kerosakan.

Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan Anda untuk memulihkan kecacatan itu selepas menerima notis daripada Kami atau daripada mana-mana orang atau badan awam.

**Bayaran Amaun Perlindungan**

Selepas sesuatu kerugian, jumlah penuh Amaun Perlindungan di bawah Sijil Takaful ini hendaklah dikekalkan.

Anda dikehendaki untuk membayar Sumbangan Takaful tambahan secara pro rata berdasarkan jumlah kerugian yang dikira dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamat Tempoh Takaful.

**Fasal Sijil Takaful Tanpa Nilai**

Ini adalah suatu Sijil Takaful tanpa nilai. Anda mestilah membuktikan sehingga Kami berpuas hati akan nilai atau jumlah sebenar harta pada masa berlakunya kemusnahan tersebut.

**BAGAIMANA SIJIL TAKAFUL ANDA BOLEH TERBATAL  
(DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)**

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini pada bila-bila masa dengan memberikan Kami notis bertulis. Anda layak untuk mendapat pulangan Sumbangan Takaful mengikut kaedah pro rata. Kami akan mengenakan bayaran ke atas Anda berdasarkan kadar tempoh singkat Kami atau Sumbangan Takaful minimum dibayar untuk Sijil Takaful ini, yang mana lebih tinggi.

Kami juga boleh membatalkan Sijil Takaful ini pada bila-bila masa. Anda akan diberi notis bertulis tujuh (7) hari dan pulangan Sumbangan Takaful berkadaran pada tempoh yang belum luput.

**PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL DAN AGIHAN LEBIHAN  
(DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)**

**Peruntukan Sumbangan Takaful**

Sumbangan Takaful yang diperuntukkan oleh Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam Ta'awuni Account Pool (TAP) untuk membayar Yuran Wakalah kepada Dana Pemegang Saham dan Tabarru' kepada Dana Risiko. Pihak Syarikat akan menguruskan TAP mengikut prinsip Wakalah yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat dan selaras dengan prinsip Syariah.

Pihak Syarikat akan mengenakan Yuran Wakalah sehingga 60% daripada Sumbangan Takaful pada permulaan tempoh Sijil Takaful berkuat kuasa dan baki Sumbangan Takaful akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' bagi membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah.

**Lebihan**

Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.

Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan dikekalkan di dalam Dana Risiko atau didermakan untuk tujuan amal bagi pihak Peserta Takaful. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Pembiayaan tersebut akan menjadi caj utama ke atas lebih daripada Dana Risiko pada masa depan. Sekiranya defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kelalaian pihak Syarikat, maka pihak Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan kestabilan dana tersebut melalui kaedah pindahan secara langsung (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

**DEFINISI**

Di bawah Sijil Takaful ini:

1. **“Bangunan”** bermakna Bangunan Rumah Kediaman Persendirian di mana Premis tersebut terletak dan termasuk:
  - (a) segala pejabat domestik, kandang kuda;
  - (b) garaj dan bangunan-bangunan luar yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya dan di atas Premis yang sama;
  - (c) Lekapan dan Lengkapan;
  - (d) dinding, pintu pagar dan pagar di sekeliling Premis.
2. **“pihak Syarikat , Kami”** bermaksud Takaful Ikhlas General Berhad, penggantinya atau pemegang serah hak termasuk mana- mana anak-anak syarikat milik penuh dan berkaitan dengan MNRB Holdings Berhad atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik
3. **“Kerugian Turutan”** bermaksud kerugian kewangan.
4. **“Isi-rumah”** bermakna segala jenis barangan rumah dan setiap Barangan Peribadi yang diuraikan, yang dipunyai oleh Peserta Takaful atau mana-mana ahli Keluarga Peserta Takaful yang biasanya menghuni bersama Peserta Takaful yang terkandung di Rumah Kediaman Persendirian, Kediaman Rumah Pangsa atau Pangsapuri dan semua pejabat domestik, kandang kuda, garaj dan Bangunan-bangunan luar domestik yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya di atas Premis yang sama yang ditentukan di dalam Jadual.
5. **“Kejadian yang Dilindungi”** bermaksud salah satu Peril yang disenaraikan di dalam Sijil Takaful ini.
6. **“Susut Nilai”** bermaksud pengurangan dalam nilai barangan atau harta akibat Haus dan Lusuhan.
7. **“Endorsmen”** perubahan bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had Sijil Takaful yang ditunjukkan di dalam Jadual.
8. **“Ekses”** bermaksud jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful terhadap tuntutan sebelum pihak Syarikat membayar. Jumlah ini akan dinyatakan di dalam Jadual atau pada apa-apa Manfaat Pilihan.
9. **“Keluarga”** dan **“Penghuni Rumah”** bermaksud mana-mana individu yang selalunya menghuni dengan Peserta Takaful.
10. **“Lekapan atau Lengkapan”** bermaksud barangan yang kekal melekat pada Bangunan Peserta Takaful
11. **“Banjir”** bermaksud limpahan atau lencongan dari saluran biasa sama ada secara semula jadi atau buatan, pecahan atau melimpahnya saluran utama air awam dan sebarang aliran lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar Bangunan.
12. **“Pampasan”** bermaksud meletakkan Peserta Takaful kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebagaimana sebelum kerugian.
13. **“Nilai pasaran”** bermaksud nilai ke atas harta yang dilindungi pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan ditolak elau kerana Haus dan Lusuhan dan/atau Susut Nilai.
14. **“Kejadian”** bermaksud waktu sebenar insiden itu berlaku.
15. **“Terbuka”** bermaksud di mana-mana bahagian Premis yang tidak tertutup sepenuhnya oleh dinding dan bumbung, juga bangunan-bangunan luar di atas Premis Bangunan tersebut yang tidak dapat dikunci.
16. **“Peril”** bermaksud sumber musibah atau bencana yang menyebabkan kerosakan kepada harta yang dilindungi.
17. **“Tempoh Takaful”** bermaksud tempoh Takaful yang tertera di dalam Jadual.
18. **“Barangan Peribadi”** bermaksud barangan peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaannya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan dan dompet.
19. **“Premis”** bermaksud tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam Jadual di mana Bangunan itu dibina, termasuk kawasan atau taman yang digunakan untuk tujuan domestik.
20. **“Rumah Kediaman Persendirian”** bermaksud Bangunan rumah pangsa dan pangsapuri. Apabila blok rumah pangsa atau pangsapuri dilindungi, Rumah Kediaman Persendirian akan merujuk kepada Kediaman Rumah Pangsa atau Pangsapuri.
21. **“Cadangan”** bermaksud Borang Cadangan yang telah ditandatangani oleh Peserta Takaful dan segala maklumat yang diberikan kepada pihak Syarikat oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Peserta Takaful.
22. **“Qard”** bermaksud kontrak pinjaman wang dimana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
23. **“Rompakan dan Tahanan Bersenjata”** bermaksud harta yang dilindungi sama ada telah diambil atau diserahkan; di dalam keadaan paksa, dibawah ancaman atau paksaan secara fizikal yang dilakukan terhadap Anda, atau orang yang tinggal bersama Anda di dalam kediaman, atau orang lain yang berhak tinggal di dalam premis Anda.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

24. **“Dana Risiko”** bermaksud kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru’ yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan peserta-peserta Takaful.
25. **“Jadual”** bermaksud Jadual Sijil Takaful di mana kedua-dua butiran yang dilindungi dan Amaun Perlindungan dinyatakan.
26. **“Amaun Perlindungan”** bermaksud jumlah yang Peserta Takaful telah melindungi sama ada ke atas Bangunan Peserta Takaful, Isi-rumah Peserta Takaful (termasuk Isi-rumah ditentukan) seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual. Ini juga termasuk Manfaat Tambahan dan apa-apa Manfaat Pilihan oleh Peserta Takaful.
27. **“Tabarru”** bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.
28. **“Takaful”** bermaksud suatu skim berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada Peserta Takaful jika diperlukan yang dengannya Peserta Takaful sama-sama bersetuju untuk memberi Sumbangan Takaful bagi maksud itu.
29. **“Perniagaan Takaful”** bermaksud urusanniaga berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
30. **“Sijil Takaful”** bermaksud terdiri daripada semua Borang Cadangan dan Jadual yang dilampirkan bersama dengan Sijil Takaful ini hendaklah menjadi pelengkap antara satu sama lain.
32. **“Sumbangan Takaful”** bermaksud sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful yang dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menyertai pelan Takaful.
33. **“Peserta Takaful, Anda”** bermaksud individu yang tertera namanya di dalam Jadual sebagai “Peserta”.
34. **“Wakalah”** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, Kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.
35. **“Waranti”** bermaksud sekatan atau kewajipan yang dikenakan terhadap Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful. Pemungkaran waranti akan melayakkan pihak Syarikat untuk menolak tuntutan Peserta Takaful terhadap kerugian atau kerosakan atau liabiliti.
36. **“Haus dan Lusuh”** bermaksud kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau penyelenggaraan yang kurang.

**NOTIS PENTING**

Kami amat prihatin dengan perkhidmatan yang Kami berikan kepada pelanggan Kami, dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan Kami untuk mengekalkan standard terbaik. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di pihak Kami, sila utarakan kepada Kami melalui:

**Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
Takaful Ikhlas General Berhad,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Tel: +603-27239696

Faks: +603-27239998

Emel: [complaints@takaful-ikhlas.com.my](mailto:complaints@takaful-ikhlas.com.my)

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

**Takaful Ikhlas General Berhad,  
IKHLAS Point, Tingkat 9, Menara 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

**Untuk perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif**

Kami akan memastikan masalah Anda dikaji secara komprehensif. Sekiranya Anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka Anda boleh merujuk kes Anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari hari pihak Syarikat membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut:

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)**  
Tingkat 14, Blok Utama,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.  
Tel : 603-2272 2811  
Faks: 603-2272 1577  
Emel: [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman sesawang: [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

**Contact Centre (BNMTELELINK)**  
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Fax : 03-21741515  
E-mail: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)